

BANTULAH DARUL MA'WA (JAMIYAH CHILDREN'S HOME)

Darul Ma'wa Hari ini

Badan ini adalah badan yang 'termuda' yang ada di Singapura. Ditubuhkan sejak tahun 1993, Darul Ma'wa pada asalnya terletak di Bartley Road. Lima tahun kemudian mereka pindah ke Still Road sehingga hari ini.

Walaupun lokasinya itu seringkali terjejas dengan masalah banjir, mutu khidmat oleh 33 pekerja di sana tetap tidak terjejas. Bahkan, anak-anak di Darul Ma'wa diberi khidmat yang sebaiknya dan keutamaan.

Badan ini menempatkan sekitar 80 orang anak-anak yang berusia tiga tahun sebagai yang termuda hingga sembilan belas tahun yang tertua. Diantara mereka ada yang kehilangan ibu, bapa, kedua-keduanya sekali dan juga merupakan mangsa penderaan fizikal dan mental.

Ramadhan tahun 2011 ini akan menjadi lebih bermakna bagi Darul Ma'wa kerana mereka akan berpindah ke lokasi baru

for more info, contact 63449533,
email to jch@jamiyah.org.sg
or visit us at
<http://jch.jamiyah.org.sg/main.asp>

Bus no. 7, 70 & 197
CC7 Stesen Mrt Mountbatten

GIVING THE
GIFT OF LOVE ...

No 15, Guillemard Crescent S (399910)
(behind the former S'pore badminton hall)

iaitu di Guillemard Crescent.

Berilah Pemberian kasih Ramadhan ini

Anak-anak di Darul ma'wa ini juga pastinya ingin berasa seperti anak-anak yang lainnya. Mereka juga insan biasa yang lebih menagihkan kasih dan sayang.

Cuba anda bayangkan, dalam sebuah bilik yang kecil lagi sempit itu ditempatkan katil sebelah menyebelah. Bayangkan juga, dinding anda bocor dan apabila hujan turun anda dapat merasakan hujan walaupun di dalam bangunan. Mampukah anda hidup sebegitu? Dan, sanggupkah anda membiarkan nasib anak-anak Darul Ma'wa terus begitu?



Walaupun adakalanya selebriti-selebriti terkenal datang berkunjung, atau mungkin para relawan berbuka dengan mereka, naluri seorang anak itu tetap ingin mempunyai orang tua mereka di sisi tetap tidak dapat dielakkan. Walaupun sedikit yang anda beri, pasti pada wajah mereka akan terukir senyuman ikhlas dari hati.



“Berilah kami pemberian kasih di bulan Ramadhan ini.” Begitulah luahan dari kata-kata Encik Sophian Kayat, Superintenden Darul Ma’wa.

Untuk maklumat anda, Darul Ma’wa kini masih kekurangan \$200,000 untuk bangunan baru mereka. Itu belum lagi termasuk perkakas dan perabot bagi memberi anak-anak Darul Ma’wa ini keselesaan di sana.

Anda boleh menyumbangkan dengan dua cara. Pertama, untuk bulan Ramadhan ini, anda boleh menaja iftar untuk mereka. Dan, yang kedua, anda juga boleh memberikan zakat.

Tahukah anda anak-anak Darul Ma’wa menggunakan sebanyak \$5000 untuk duit jajan mereka dan \$2000 untuk transportasi. Dengan transportasi yang kian naik dan juga makanan yang semakin mahal hari demi hari, mereka benar-benar memerlukan bantuan anda.

Sewaktu saya berkunjung ke sana, sempat saya keliling bangunan dua tingkat itu melihat kehidupan mereka di sana. Saya yakin, anak-anak di Darul Ma’wa itu diberi didikan yang sempurna. Tangan-tangan mereka sentiasa dihulur memberikan salaman serta senyuman walaupun saya pasti disebalik senyuman itu tersimpan pelbagai kepiluan dan kesedihan yang tersembunyi.

Untuk menyalurkan bantuan murni anda itu, sila ke laman mereka di <http://jch.jamiyah.org.sg> atau anda juga boleh menghubungi mereka menerusi emel di jch@jamiyah.org.sg atau menghubungi Encik Sophian Kayat sendiri di talian +65-9090-6512.

